

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	selengkap

# Jaga nilai murni

Agong nasihat 28,000 jemaah haji amal sikap saling bertolak ansur



## Lambaian Kaabah

>>Oleh Sharifah Norfaezah  
Wan Ahmad Makki Mashor

norfaezah@hntmetro.com.my

**P**ETALING JAYA: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menasihatkan 28,000 jemaah haji menjaga nilai murni sepanjang menunaikan rukun Islam kelima di Tanah Suci sekali gus mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling mengingati antara satu sama lain.

Pada masa sama, jemaah turut diminta menjaga aspek kesihatan bagi membolehkan ibadat terbabit dikerjakan sebaik mungkin.

"Beta berharap jemaah sentiasa mengamalkan nilai murni terutama di kalangan jemaah haji sendiri. Mereka perlu mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling ingat mengingati antara satu

sama lain. "Oleh sebab ibadah haji memerlukan pengorbanan jitu dan kesihatan jemaah dalam semua aspek, seharusnya ia perlu berada pada tahap terbaik, merangkumi kesihatan mental, fizikal dan spiritual," titah baginda sebelum melepaskan 356 jemaah haji bagi penerbangan KT41 di Kompleks Tabung Haji, di sini, semalam.

Hadir sama di majlis terbabit, Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah Hamidun; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom bersama isteri Datin Fatmawati Saidin; Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Fahad A H Al-Rashid; Pengerusi Lembaga Tabung

Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, bersama isteri Puan Sri Zakiyah Abdul Rahman dan Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk

Ismee Ismail bersama isteri Datin Rozzalena Zakaria.

Selain itu baginda bertitah, bagi memastikan tiada masalah timbul sepanjang menunaikan haji di Tanah Suci, jemaah sewajarnya mengikut peraturan petugas Tabung Haji bertugas.

Titah baginda, semua jemaah haji dinasihatkan sentiasa mengikut arahan pihak berkuasa tempatan (PBT), serta peraturan digariskan Tabung Haji kerana ia dilaksanakan untuk menjamin

keselamatan jemaah serta melicinkan proses mengerjakan haji.

Dalam titah baginda juga, Tuanku Abdul Halim mengucapkan syabas kepada Tabung Haji atas komitmen yang diberikan kepada jemaah dan berharap organisasi berkenaan terus berusaha menambah baik sistem pengurusan haji supaya sentiasa di tahap cemerlang dan menjadi contoh kepada negara Islam di seluruh dunia.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga semua jemaah haji dapat mengerjakan ibadah haji dengan sempurna dan kembali ke tanah air dengan haji mabrur," titah baginda.

SELAMAT BERANGKAT...  
Tuanku Abdul Halim mengucapkan selamat jalan kepada jemaah haji.



FOTO | Sarimah Khatun